

<p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS LIABILITI MAJIKAN (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <u>Insurans Liabiliti Majikan</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).</p>	<p>Rujukan Kami : 01-01-2010 Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd. Nama Produk : Insurans Liabiliti Majikan Tarikh :</p>
--	---

1. Apakah produk ini?

Insurans Liabiliti Majikan ialah pelan insurans yang menawarkan perlindungan kepada orang yang diinsuranskan (majikan) terhadap liabiliti undang-undang menurut undang-undang umum untuk kerosakan dan kos serta bayaran tuntutan disebabkan oleh kecederaan badan akibat daripada kemalangan atau penyakit yang dihadapi oleh mana-mana individu di bawah kontrak perkhidmatan atau aprentis dengan majikan ketika bekerja di Malaysia.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini menawarkan perlindungan kepada orang yang diinsuranskan terhadap liabiliti di bawah undang-undang untuk membayar pampasan dan kos serta bayaran tuntutan disebabkan oleh kecederaan di mana dia layak dan sebagai tambahan untuk membayar semua kos dan pembayaran dengan kebenaran bertulis daripada Syarikat. Pekerja yang dilindungi termasuk pekerja tempatan yang tidak mendapat kelayakan untuk mencarum kepada skim SOCSO.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Jumlah minimum premium tahunan ialah RM75.00 bagi satu polisi.

4. Berapakah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen Insurans	25 peratus daripada jumlah premium
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	5 peratus daripada jumlah premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- Setiap notis atau komunikasi perlu diberi kepada kami secara bertulis.
- Orang yang diinsuranskan hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kemalangan serta penyakit dan perlu mematuhi semua keperluan statutori.
- Jika terdapat mana-mana insurans lain yang memberi perlindungan ke atas liabiliti yang sama, kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar melebihi kadar yang dinyatakan.
- Nama setiap pekerja serta jumlah gaji mereka hendaklah direkodkan dengan betul. Jika jumlahnya berlainan daripada jumlah yang dinyatakan di dalam polisi, bayaran premium akan dikira semula di penghujung tempoh perlindungan insurans.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak menawarkan perlindungan untuk:

- Sebarang liabiliti yang berlaku di luar kawasan geografi yang dinyatakan.
- Persetujuan secara kontrak.
- Liabiliti kepada pekerja kontraktor yang dilantik oleh orang yang diinsuranskan.
- Sebarang liabiliti disebabkan oleh peperangan dan risiko berkumpulan.
- Sebarang liabiliti yang berkaitan dengan mana-mana undang-undang pampasan pekerja.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luput. Walau bagaimanapun, sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar balik.

8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi/surat-menyurat saya?

Adalah penting anda memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi anda. Ini untuk memastikan semua surat-menyurat dapat dihantar pada masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.uniasiageneral.com.my atau rujuk kepada pejabat cawangan kami.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks : 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

10. Perlindungan Insurans Liabiliti Majikan Lain Yang Boleh Didapati

Perlindungan Insurans Liabiliti Majikan lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- Insurans Pampasan Pekerja.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac 2010.